



04 JAN, 2026

MUSANG KING GRED A RM25 SEKILOGRAM!

Metro Ahad, Malaysia





04 JAN, 2026

MUSANG KING GRED A RM25 SEKILOGRAM!

Metro Ahad, Malaysia

Page 2 of 3

Oleh Muhamaad Razis Ismail
razis@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Kejatuhan harga durian sehingga 50 peratus sejak dua minggu lalu disifatkan sebagai fenomena luar biasa dalam kalangan peniaga 'raja buah' itu pada musim kali ini.

Pemilik Rizky Durian, Romi Hidayat Zainintawa, 34, berkata, sepanjang hampir sedekad menceburi perniagaan durian situasi kali ini dilihat jauh berbeza berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Katanya, secara tradisi permintaan durian pada hujung tahun biasanya perlahan berikutan musim cuti serta perbelanjaan persekolahan, namun keadaan berubah apabila harga merosot ketara susulan lambakan buah, sekali gus mendorong pengguna kembali berbelanja.

"Kini, Musang King gred A yang kebiasaannya dijual pada harga RM65 hingga RM75 sekilogram, boleh didapati sekitar RM25 hingga RM35 sekilogram.

"Penurunan itu turut memberi kesan kepada gred lain seperti Musang King gred B dan C yang dijual serendah RM15 hingga RM25 sekilogram, berbanding RM45 hingga RM55 sebelum ini, sekali gus menjadikan durian lebih mampu dibeli pengguna.

"Malah, ada Musang King bersaiz kecil dijual pada harga RM5 sebiji. Ini sesuatu yang sangat jarang berlaku," katanya.

Romi berkata, harga durian Duri Hitam yang lazimnya berada pada paras RM65 hingga RM85 sekilogram kini boleh didapati sekitar RM20 hingga RM35,

"Malah, ada Musang King bersaiz kecil dijual pada harga RM5 sebiji. Ini sesuatu yang sangat jarang berlaku"

Romi Hidayat Zainintawa

manakala di luar musim, harga durian berkenaan boleh mencecah RM125 sekilogram, menjadikan kejatuhan kali ini agak drastik.

Katanya, penurunan harga itu berpunca daripada faktor bekalan dan permintaan apabila hasil durian 'menjadi' serentak di beberapa negeri dalam keadaan pengguna sebelum ini kurang berbelanja.

"Bagi mengelakkan lambakan terus meningkat, pekebun terpaksa menurunkan harga bagi menghabiskan stok. Sebagai peniaga, saya gembira dapat menjual durian pada harga mampu milik supaya lebih ramai dapat menikmati buah yang sebelum ini agak mahal.

"Pada masa sama, saya turut bersimpati dengan pekebun kerana kos penanaman bagi menghasilkan durian berkualiti adalah tinggi," katanya.

Jelasnya, berdasarkan pengalaman, situasi itu dijangka bersifat sementara dan harga durian berkeungkinan kembali normal pada musim berikutnya.

HARGA 'RAJA BUAH' JATUH 50 PERATUS

MUSANG KING GRED A RM25 SEKILOGRAM!

"Saya berharap harga durian dapat kekal pada tahap berpatutan dalam suasana menang-menang, pekebun mendapat keuntungan, peniaga terus berniaga dan pelanggan pula berpuas hati," katanya.

Sementara itu, seorang peniaga yang mahu dikenali Amran mengambil kepu-

tusan untuk tidak berniaga pada musim ini kerana harga buah yang sangat rendah.

"Sekiranya saya berniaga juga, risiko tinggi kerana buah terlampau ba-

nyak sehingga harga jatuh "Jadi saya ambil keputu-

san untuk bercuti sementara. Mungkin pada musim berikutnya saya akan kembali berniaga mengikut keadaan semasa," katanya.

Sementara itu, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam kenyataan berkata, pada masa ini, pengeluaran durian berada pada tahap yang tinggi kerana kebanyakan negeri di Malaysia sedang dalam tempoh penuaian.


"Keadaan cuaca yang panas pada pertengahan tahun antara Mei hingga Julai turut mendorong kepada peningkatan pengeluaran pada hujung tahun 2025 ini.

"Bagaimanapun, tidak semua durian dapat dipasarkan secara meluas kerana pasaran eksport hanya menerima durian yang memenuhi piawaian gred premium," katanya.

Beliau berkata, dari sudut permintaan, musim hujung tahun lazimnya menunjukkan tahap pembelian yang lebih rendah berbanding musim pertengahan tahun.

"Hal ini berlaku kerana keutamaan perbelanjaan pengguna pada tempoh tersebut lebih tertumpu kepada keperluan lain seperti persediaan persekolahan, bulan Ramadan dan sambutan hari raya pada tahun berikutnya.

"Selain itu, pengambilan durian juga cenderung berkurang kerana ia dianggap sebagai makanan pilihan, bukannya keperluan harian," katanya.



LAMBAKAN durian memberi peluang kepada pelanggan menikmati 'raja buah' itu pada harga lebih mampu milik.



04 JAN, 2026

MUSANG KING GRED A RM25 SEKILOGRAM!

Metro Ahad, Malaysia

SUMMARIES

DURIAN RM10 SEKILO FAMA CAMPUR TANGAN STABILKAN HARGA PASARAN MS6

Oleh Muhamaad Razis Ismail razis@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Kejatuhan harga durian sehingga 50 peratus sejak dua minggu lalu disifatkan sebagai fenomena luar biasa dalam kalangan peniaga 'raja buah' itu pada musim kali ini. Pemilik Rizky Durian, Romi Hidayat Zainintawa, 34, berkata, sepanjang hampir sedekad menceburi perniagaan durian situasi kali ini dilihat jauh berbeza berbanding tahun-tahun sebelumnya.